

# Pelajar kejuruteraan UMS teroka pembinaan jambatan 'Pre-Cast'

UB 05.11.2024 P.08

KOTA KINABALU: Seramai 61 pelajar tahun kedua Program Kejuruteraan Awam Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat peluang unik belajar di tapak sebenar melalui program 'On-Site Learning' di Kampung Padang Tengah, Petagas, baru-baru ini.

Pensyarah FKJ Dr. Asman Mohd Sarman berkata, program berkenaan bertujuan mendedahkan pelajar kepada teknologi pembinaan moden, khususnya 'Pre-cast Construction' menggunakan Teknologi DURA.

"Di samping itu, dengan pendedahan awal ini, pelajar

dapat mengetahui bagaimana kaedah pembinaan yang mereka pelajari dalam kelas diterapkan dan dipraktikkan dalam situasi sebenar di tapak pembinaan. Mereka juga akan mendapat gambaran sebenar mengenai proses pengurusan kontrak sebenar bagi projek pembinaan yang sedang dijalankan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Program itu dijalankan hasil kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Kota Kinabalu dan Azam Lumut Sdn Bhd, serta turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Kerja Raya Datuk Shahelmey Yahya, bersama jurutera bahagian,

Zulkefli Salip Arjun yang juga alumni UMS.

Sepanjang program itu, para peserta mendapat bimbingan di tapak oleh jurutera utama projek Dr. Elis Mardzianah Mazlan dan James Thomas yang memberikan penerangan mendalam mengenai proses pembinaan jambatan dengan Teknologi DURA.

Pengalaman berharga ini memberi peluang kepada para pelajar untuk meningkatkan pengetahuan praktikal mereka dalam bidang pembinaan, selain menyemarakkan semangat mereka untuk meneroka ilmu yang diperoleh di bilik kuliah dalam situasi sebenar.



**PESERTA:** Seramai 61 pelajar UMS menyertai program 'On Site Learning' di tapak pembinaan jambatan 'pre-cast' di Petagas.



**MESRA:** Shahelmey sempat meluangkan masa bersama pelajar UMS.



**CENDERAHATI:** Pengarah program menyampaikan cenderahati sebagai tanda penghargaan kepada pengarah projek. \*